



PIAWAIAN PERANCANGAN

PENYEDIAAN KEMUDAHAN ASAS DAN FIZIKAL BERKAITAN PROGRAM RAKAN MUDA

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENJUNG MALAYSIA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

PIAWAIAN PERANCANGAN JPBD 2/96

PIAWAIAN PERANCANGAN

PENYEDIAAN KEMUDAHAN ASAS DAN FIZIKAL BERKAITAN PROGRAM RAKAN MUDA



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMANANJUNG MALAYSIA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 1997
Cetakan Kedua 1999
© Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Hakcipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara
yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan
dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya
tanpa kebenaran bertulis daripada
Penerbit terlebih dahulu.

ISBN 983-9396-20-x

KDN : BP/301/22 Jld. 19 SEM/2.

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia.
Tel : 03-2989211 Fax : 03-2929994

Dicetak oleh:
Misas Advertising
No. 7, Jalan 6/23E,
Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur.
Tel./Fax No: 03-40242004

Harga : RM30.00

KATA ALU-ALUAN

*Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia*



Program Rakan Muda merupakan suatu kerangka falsafah di mana semua aspek pembangunan generasi muda akan dijuruskan ke arah menyumbang kepada pencapaian matlamat Wawasan 2020 negara. Program yang telah digubal akan bertindak secara bersepadu untuk mencetuskan gaya hidup berkualiti serta memperkukuhkan sistem nilai dan nilai tambahan di kalangan generasi muda.

Justeru itu, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Belia dan Sukan berhasrat membina Pusat Rakan Muda bukan sahaja tertumpu di bandar-bandar utama, tetapi turut menjurus ke akar umbi di peringkat daerah, mukim dan kampung. Lantaran daripada itu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah diarahkan untuk menyediakan satu dokumen yang menggariskan elemen-elemen asas bagi memudahkan penyelarasan pelaksanaan Program Rakan Muda di seluruh negara.

Piawaian Perancangan Penyediaan Kemudahan Asas dan Fizikal Berkaitan Program Rakan Muda yang dihasilkan ini adalah bagi kegunaan semua pihak terutamanya Pihak berkuasa Tempatan sebagai bahan rujukan dalam melaksanakan pembinaan kemudahan asas dan fizikal untuk Program Rakan Muda. Walau bagaimanapun, ia adalah panduan am dan tidak bertujuan menghadkan daya kreativiti di kalangan profesional. Sebarang bentuk pandangan dan cadangan yang membina adalah dialu-alukan untuk memantapkan garis panduan dan piawaian ini.

Akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana telah berjaya menghasilkan Piawaian Perancangan Penyediaan Kemudahan Asas dan Fizikal Berkaitan Program Rakan Muda ini.


DATO PROF. ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD
(D.P.M.T., J.M.N., J.S.M., S.M.T., K.M.N., A.S.K.)

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
3.0	FALSAFAH WAWASAN RAKAN MUDA	2
4.0	GARISPANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ASAS DAN FIZIKAL	3
4.1	Pusat Rakan Muda	3
4.2	Pusat Rekreasi Dan Kecergasan Rakan Muda	4
4.3	Tapak Perkhemahan Rakan Muda	6
5.0	PIAWAIAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ASAS DAN FIZIKAL	7
6.0	PENUTUP	7

Senarai Jadual

Jadual 1: Piawai Perancangan Kemudahan Asas dan Fizikal	8
---	---

Senarai Lampiran

Lampiran 1: Contoh Konsep Pusat Rakan Muda	11
Lampiran 2: Contoh Konsep Pusat Rekreasi dan Kecergasan Rakan Muda	12
Lampiran 3: Contoh Konsep Tapak Perkhemahan Rakan Muda	13

GARISPANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN ASAS DAN FIZIKAL BERKAITAN PROGRAM RAKAN MUDA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garispanduan dan piawai perancangan ini disediakan dengan bertujuan untuk membantu pihak yang terlibat terutamanya Pihakberkuasa Negeri, Pihakberkuasa Tempatan serta pemaju-pemaju yang terlibat dalam menyediakan prasarana fizikal bagi program RAKAN MUDA yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
- 1.2 Laporan garispanduan ini meliputi dua perkara utama seperti berikut:
 - I. Latarbelakang dan falsafah program RAKAN MUDA; dan
 - II. Garispanduan dan piawai perancangan dan pembangunan kemudahan prasarana RAKAN MUDA.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Remaja masakini sedang berada di satu era yang boleh dianggap mewah dan mudah dalam serba serbi. Mereka juga sebenarnya sedang melalui satu keadaan yang dikenali sebagai “zon selesa”. Dalam keadaan kewewahan dan selesa seperti inilah biasanya sesebuah masyarakat atau golongan remaja khususnya akan mudah menjadi leka dan kurang inovasi untuk menangani cabaran-cabaran di hari muka. Keadaan tersebut telah mempengaruhi gaya hidup dan perilaku golongan remaja, antara sikap dan gaya hidup yang kurang sihat adalah sikap individualistik dan mementingkan diri sendiri. Selain daripada itu, yang lebih membimbangkan ialah terdapatnya ramai golongan remaja yang telah terjebak dalam pelbagai kegiatan yang tidak berfaedah, tidak bermoral dan dengan sendirinya merosakkan masa depan mereka sendiri. Lantaran daripada itu, negara pastinya akan kehilangan salah satu sumber utama untuk pembangunan iaitu “sumber manusia” itu sendiri.
- 2.2 Masalah sosial remaja yang kian serius masakini perlukan suatu bentuk pendekatan penyelesaian yang menyeluruh dan berintegrasi. KBS merupakan agensi utama yang dipertanggungjawabkan merangka program dan tindakan-tindakan tertentu yang dapat digabungkan di bawah satu konsep WAWASAN RAKAN MUDA yang merupakan kerangka falsafah di mana semua aspek

pembangunan generasi muda akan dijuruskan ke arah menyumbang kepada pencapaian matlamat Wawasan 2020. Gerakan dan program yang telah digubal akan bertindak secara bersepadu untuk mencetuskan gaya hidup berkualiti serta memperkukuhkan sistem nilai dan nilai tambah di kalangan generasi muda.

- 2.3 Antara program utama dalam mencapai wawasan tersebut ialah penyediaan kemudahan prasarana RAKAN MUDA. Laporan ini menyediakan garis panduan dan piawaian perancangan dan pembangunan kemudahan prasarana tersebut.

3.0 FALSAFAH WAWASAN RAKAN MUDA.

- 3.1 Malaysia, adalah dianggarkan 42.0 % penduduknya terdiri daripada golongan muda (15-39 tahun). Golongan inilah sebenarnya yang akan mempelopori, mengisi dan menikmati cita-cita negara maju. WAWASAN RAKAN MUDA adalah misi yang menunjangi usaha pembangunan generasi muda mengisi matlamat Wawasan 2020. WAWASAN RAKAN MUDA adalah cetus dan terbitan dari Wawasan 2020 untuk difahami, dihayati dan didokong oleh generasi muda supaya bersama-sama di dalam satu arus menuju ke arah matlamat Wawasan 2020. WAWASAN RAKAN MUDA menyokong harapan negara maju berlandaskan identiti bangsa Malaysia di mana generasi muda mempunyai pegangan nilai yang mulia lagi murni diterjemahkan dalam bentuk gaya hidup yang berkualiti. Konsep Wawasan Rakan Muda mempunyai dua program teras iaitu GAYA HIDUP RAKAN MUDA dan BRIGED RAKAN MUDA.
- 3.2 GAYA HIDUP RAKAN MUDA adalah satu program paduan pelbagai kegiatan dan kemudahan dalam satu sistem rangkaian pengurusan yang menggabungkan agensi kerajaan, pertubuhan swadaya belia dan sukan, badan korporat dan masyarakat amnya dengan menganjurkan gaya hidup berkualiti ke arah pencapaian wawasan. RAKAN SUKAN adalah satu program di bawah GAYA HIDUP RAKAN MUDA yang menggabungkan kepimpinan kerajaan, swadaya persatuan sukan, tanggungjawab sosial sektor korporat, minat dan penghayatan masyarakat serta komitmen atlit untuk membangun dan memeriahkan sukan daripada peringkat akar umbi hinggalah ke tahap kecemerlangan di peringkat negara dan antarabangsa.

3.3 BRIGED RAKAN MUDA ialah satu gerakan swadaya generasi muda untuk mencetus pembangunan bagi generasi muda Malaysia. Generasi muda Malaysia juga akan digembeling melalui kumpulan-kumpulan teras yang dipanggil Briged-Briged Rakan Muda. Briged-briged ini berteraskan penghayatan gugusan nilai-nilai murni dan pembangunan mental yang kental dan keperibadian yang ulong terutamanya dari segi kepimpinan di peringkat akar umbi serta menjadi model ikutan rakan sebaya setempat. Setiap briged akan mengandungi 150 ahli yang akan diberi didikan dan bimbingan kursus-kursus teras dan kursus-kursus yang meningkatkan kemahiran mereka selaras dengan peranan (role) mereka dalam masyarakat belia. Briged-briged ini akan ditubuhkan di semua wilayah dan dibentuk mengikut kegiatan sosial dan ekonomi dominan di kawasan-kawasan tersebut, seperti di kawasan-kawasan perindustrian, kawasan FELDA, perbandaran, kawasan setinggan, di kampung-kampung baru dan tradisi dan lain-lain. Pergerakan ini akan dapat menghapuskan penggunaan masa terluang tanpa faedah di kawasan-kawasan tersebut sekarang ini. Ia juga dijangka membentuk generasi muda berwawasan yang memiliki gugusan nilai-nilai murni, sikap yang positif dan perilaku yang boleh dicontohi untuk mendokong wawasan negara.

4.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ASAS DAN FIZIKAL

4.1 PUSAT RAKAN MUDA

4.1.1 Pusat Rakan Muda seharusnya dijadikan sebagai satu pusat yang menyediakan kemudahan untuk golongan belia menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang di bawah Program Rakan Muda. Ia juga akan merupakan pusat pentadbiran belia dan sukan di peringkat Daerah.

4.1.2 Keluasan tapak di setiap lokasi adalah di antara 10 hingga 15 ekar (4.0-6.0 hektar). Pusat ini akan dapat menampung antara 350-500 peserta dalam satu-satu masa.

4.1.3 Komponen yang diperlukan untuk Pusat Rakan Muda adalah seperti berikut:

- I. Sebuah dewan serbaguna memuatkan:
 - Tiga (3) gelanggang badminton,
 - Satu (1) pentas beserta dua (2) bilik persalinan di belakang,
 - Satu (1) bilik setor,

- Satu (1) bilik mesyuarat (20 orang),
 - Satu (1) bilik mesyuarat (10 orang),
 - Satu (1) bilik pejabat (5 orang), dan
 - Satu (1) bilik serbaguna;
- II. Dua blok asrama memuatkan:
- Lima (5) bilik (2 orang/bilik),
 - Lima (5) bilik (10 orang/bilik),
 - Lima (5) bilik (20 orang/bilik),
 - Lima (5) bilik kuliah (30 orang/bilik), dan
 - Satu (1) bilik kecergasan/gimnasium;
- III. Sebuah surau yang boleh memuatkan 200-250 jemaah;
- IV. Dapur dan kantin (350) orang;
- V. Kemudahan sukan luar:
- Tiga (3) gelanggang tenis,
 - Dua (2) gelanggang bola tampar,
 - Dua (2) gelanggang bola jaring,
 - Dua (2) gelanggang sepak takraw,
 - Satu (1) gelanggang bola keranjang,
 - Satu (1) padang bola sepak (cum padang hoki), dan
 - Trek balapan sekeliling padang bola sepak beserta sebuah astaka;
- VI. Tempat letak kereta (70 petak) dan motosikal (150 petak);
- VII. Kolam renang saiz sederhana dan taman landskap; dan
- VIII. Padang rumput untuk aktiviti Rakan Wajadiri dan Sukan Rakyat.

4.1.4 Luas bagi setiap gelanggang permainan (dalam dewan atau gelanggang terbuka) adalah mengikut saiz standard sedia ada.

4.2 PUSAT REKREASI DAN KECERGASAN RAKAN MUDA

4.2.1 Pusat ini juga akan menyediakan sebuah kawasan di mana golongan yang berminat dengan kegiatan luar boleh menjalankan aktiviti masing-masing dalam bentuk individu, keluarga dan juga kumpulan. Jumlah pengunjung

(peserta) yang ditampung untuk satu-satu masa adalah diantara 300-500 orang.

4.2.2 Komponen kemudahan asas yang perlu disediakan untuk Pusat Rekreasi dan Kecergasan ini adalah:

- I. Blok pentadbiran yang mengandungi pejabat dan bilik mesyuarat;
- II. Dewan kuliah;
- III. Bilik -bilik untuk perbincangan kumpulan kecil;
- IV. Asrama untuk kapasiti seramai 300 orang;
- V. Surau;
- VI. Dewan makan dan dapur;
- VII. Kemudahan kegiatan luar:
 - 'Absailing',
 - Aktiviti air,
 - 'Flying Fox', dan
 - 'Par-Course';
- VIII. Dua buah tapak perkhemahan;
- IX. Trek untuk kegiatan trekking, dan
- X. Kemudahan letak kereta (115 petak) dan motosikal (300 petak).

4.2.3 Tapak-tapak paling sesuai untuk Pusat Rekreasi dan Kecergasan ini sebaiknya terletak di pinggir bandar yang mempunyai ciri-ciri rekreasi air semulajadi ataupun buatan manusia.

4.2.4 Salah satu elemen utama Pusat Rekreasi dan Kecergasan ialah kemudahan 'Par-Course' bertaraf antarabangsa sepanjang 3-5 km. dengan 12 stesyen untuk ujian kecergasan yang perlu disediakan.

4.2.5 Kawasan ini mengutamakan kawasan hijau dan landskap yang mengandungi pohon jenis kekal dan rendang; dan

4.2.6 Kemudahan-kemudahan direkabentuk untuk penggunaan sepanjang masa dan sepanjang tahun.

4.3 TAPAK PERKHEMAHAN RAKAN MUDA

4.3.1 Keluasan minimum ialah 15.0 - 20.0 hektar. Jumlah pengunjung (peserta) untuk satu-satu masa adalah 250 - 400 orang;

4.3.2 Mengambil kira keperluan aktiviti yang akan dijalankan oleh pengguna-pengguna dan untuk menjadikannya sebagai pusat kegiatan Rakan Cinta Alam dan Rakan Rekreasi. Komponen untuk Tapak Perkhemahan Rakan Muda yang perlu disediakan adalah seperti berikut:

- I. Kawasan perkhemahan;
- II. Satu (1) dewan serbaguna yang boleh memuatkan 400 orang;
- III. Dua (2) buah tandas dan bilik air;
- IV. Penyediaan bekalan api dan air;
- V. Satu (1) pejabat dan stor;
- VI. Satu (1) surau;
- VII. Peralatan perkhemahan:
 - Khemah.
 - Alat memasak,
 - Alat mendaki,
 - Alat 'orienteeing', dan
 - Peralatan pejabat;

VIII. Tempat letak kereta 100-150 petak dan motosikal (300 petak).

4.3.3 Tempat yang difikirkan sesuai untuk tapak perkhemahan ini ialah yang mempunyai ciri-ciri berikut:-

- I. anak sungai dan air terjun;
- II. kawasan berbukit dan hutan simpan; dan
- III. kawasan pinggir pantai.

4.3.4 Elemen utama ialah "trek pejalan kaki" dan "tapak perkhemahan" yang diintegrasikan dengan kemudahan-kemudahan fizikal yang lain; dan

4.3.5 Pengkalan elemen-elemen semulajadi spesis flora dan fauna untuk aktiviti Rakan Cinta Alam.

5.0 PIAWAIAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ASAS DAN FIZIKAL

- 5.1 Jadual 1 menunjukkan piawaian bagi perancangan kemudahan asas dan fizikal Pusat Rakan Muda; Pusat Rekreasi dan Kecergasan Rakan Muda; dan Tapak Perkhemahan Rakan Muda.


6.0 PENUTUP

- 6.1 Garispanduan dan piawaian perancangan yang dikemukakan hanya meliputi projek-projek baru. Walau bagaimanapun saiz dan ukuran-ukuran yang dicadangkan khususnya bagi kemudahan aktiviti Rakan Sukan tidak berbeza dengan piawaian sedia ada.
- 6.2 Dengan adanya garispanduan dan piawaian perancangan kemudahan asas dan fizikal ini, adalah diharapkan ia dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan Program Rakan Muda.


Jadual 1 : PIAWAIAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ASAS DAN FIZIKAL

KOMPONEN	AKTIVITI	KEMUDAHAN	KETINGGIAN BANGUNAN DAN JALANRAYA	JENIS DAN REKA BENTUK BANGUNAN	ASPEK-ASPEK KAWASAN PEMBANGUNAN
<p>1. PUSAT RAKAN MUDA</p> <ul style="list-style-type: none"> Pusat Rakan Muda akan menjadi satu pusat yang menyediakan kemudahan untuk golongan belia menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang di bawah Program Rakan Muda. Berfungsi sebagai pusat pentadbiran aktiviti belia dan sakan di peringkat daerah. 	<ul style="list-style-type: none"> Gelanggang tenis/bola tampar Gelanggang bola jaring/sepak takraw Gelanggang bola keranjang Padang bolesepak Padang hoki Trek basapan sekeliling padang bolesepak 	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Pentadbiran/ Stor Dewan Serbaguna Asrama Surau Kantin Astaka ("Grandstand") Tempat Letak Kereta 	<p>KETINGGIAN BANGUNAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Ketinggian Asrama tidak melebihi 4 tingkat <ul style="list-style-type: none"> Bangunan-bangunan pejabat, dewan kuliah, dewan makan dan bilik perbincangan tidak melebihi 2 tingkat. 	<p>JENIS BANGUNAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Bangunan seharusnya berbentuk sesebuah atau bersambung di samping susunatur bangunan ("site planning") yang dapat menghasilkan rangkaian bangunan yang menarik dan ruang-ruang yang dapat berfungsi dengan baik. Keseluruhan bangunan seharusnya mempunyai ciri-ciri dan identiti yang dapat melambungkan aktiviti golongan belia. 	<p>BAHAN-BAHAN / WARNA</p> <ul style="list-style-type: none"> Digalakkan penggunaan bahan dari kayu dan lain-lain bahan semulajadi di samping menggunakan bata, ubin dan konkrit. Warna bangunan / persekitaran - warna cerah / terang dapat menghasilkan suasana yang hidup. Laluan (trek) yang menghubungkan kemudahan-kemudahan dan aktiviti di tapak disusun dengan "interlocking pavement block"
<p>2. PUSAT REKREASI DAN KECERGASAN RAKAN MUDA</p> <ul style="list-style-type: none"> Kegiatan luar yang merangkumi program-program Rakan Rekreasi, Rakan Kecergasan dan Rakan Cinta Alam. Sebuah kawasan di mana golongan yang berminat dengan kegiatan luar boleh menjalankan aktiviti dalam bentuk individu, keluarga dan juga kumpulan. Di samping sumber rekreasi dapat menggunakan potensi tapak dengan sepenuhnya seperti kefahaman tentang alam sekitar. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelantar ("deck") untuk berstar-star Bersamam/nemananing Trek/Par Course/ "Boardwalk" Jungle walk Berkhemah 	<ul style="list-style-type: none"> Bangunan pentadbiran yang mengandungi pejabat dan bilik mesyuarat Bilik perbincangan/Dewan Kuliah Asrama Dewan Makan Surau 	<p>JALANRAYA</p> <ul style="list-style-type: none"> Jalan masuk ke kawasan pembangunan hendaklah berjajalan dari persimpangan lain dan tidak terlindung oleh struktur binaan. Laluan dalaman hendaklah teratur dan menggunakan kawasan yang paling minima supaya lebih banyak kawasan tapak boleh digunakan bagi tujuan landskap. saiz trek tidak berturap 1.5m² / saiz "Par Course" 2.5m² / 	<p>REKABENTUK BANGUNAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Rekabentuk haruslah mempunyai "strong sense of character and identity" sebagai sebuah kawasan rekreasi tetapi bukan pula terlalu luarbiasa. Bentuk bangunan berbentuk "boxlike" atau seperti kotak seharusnya dielakkan Rekabentuk bangunan dan persekitaran seharusnya mempunyai identiti dan bercirikan aktiviti golongan Rakan Muda. 	<p>LANDSKAP</p> <ul style="list-style-type: none"> Penanaman pokok-pokok rendah untuk tajam teduhan seharusnya ditanam di kawasan seperti sekitar bangunan, laluan pejabat kaki, medan letak kenderaan. Penanaman pokok-pokok bunga, renek di antara ruang bangunan, laluan pejabat kaki, trek dan kawasan lapang perlu disediakan. Pembinaan wakaf sebagai tempat berteduh/istirahat di lokasi-lokasi tertentu, papan penunjuk arah, papan tanda dan bangku perlu disediakan bagi kemudahan orang ramai.
<p>3. TAPAK PERKHEMAHAN RAKAN MUDA</p> <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan kemudahan asas di tapak perkhemahan untuk kegunaan belia-belia menjalankan aktiviti perkhemahan belia dan sakan. Mewujudkan tapak perkhemahan untuk belia-belia melaksanakan program kegiatan luar ("outdoor") dan penghayatan alam sekitar. 	<ul style="list-style-type: none"> Tapak Pesisiran Sungai Berkayak / memancing "Trekung" Berkhemah 	<ul style="list-style-type: none"> Dewan Serbaguna Pejabat pentadbiran dan setor Surau Tandas/Bilik Air Tempat Letak Kereta 	<p>TEMPAT LETAK KERETA</p> <ul style="list-style-type: none"> Sebuah tapak tempat letak kereta dengan keluasan 8' x 16' (1 petak) untuk 900 meter persegi. 1 petak motosikal 47 meter persegi. 	<p>TUMBUHAN SEDIA ADA</p> <ul style="list-style-type: none"> Kawasan yang tidak terlibat dalam pembangunan, pokok-pokok hutan perlu dilindungi dan dipelihara. 	

LAMPIRAN



Lampiran 1
CONTOH KONSEP PUSAT RAKAN MUDA



RAKAN MUDA

PETUNJUK

JENIS BANGUNAN DAN AKTIVITI

A. PEJABAT DAN SETOR (18.3m x 27.4 m)

- Urusan Pentadbiran
- Penyelenggaraan

B. DEWAN, BILIK KULIAH DAN BENGKEL (42.7m x 24.4m)

I. DEWAN

- Pentas
- Gelanggang
- Takraw
- Badminton
- Bola Tampar
- Gymnasium Rakyat
- Mesyuarat/Perhimpunan
- Rakan Senibudaya
- Rakan Sukan
- Rakan Masyarakat
- Rakan Wajadiri
- Rakan Kecergasan
- Rakan Rekreasi

II. BILIK KULIAH

- Pusat Sumber
- Perpustakaan
- Penulisan Kreatif
- Sudut Motivasi Kaunseling
- Rakan Rekreasi
- Rakan Wirausaha
- Rakan Wiramahir

III. BENGKEL/STUDIO

- Pusat Sumber
- Perpustakaan
- Penulisan Kreatif
- Sudut Motivasi Kaunseling
- Rakan Rekreasi
- Rakan Wirausaha
- Rakan Wiramahir

C. PADANG DAN BALAPAN (115.8m x 11.6m)

I. PADANG

- Padang Bola
- Gelanggang Terbuka
- Gelanggang Sepatu Roda
- Perayaan/Perhimpunan
- Rakan Sukan
- Rakan Kecergasan
- Rakan Rekreasi
- Rakan Masyarakat
- Rakan Senibudaya
- Rakan Wajadiri
- Rakan Cinta Alam

II. BALAPAN

- Litar Perlumbaan
- Kegiatan Larian
- Ujian Kecergasan
- Rakan Sukan
- Rakan Rekreasi
- Rakan Kecergasan

E. KANTIN (27.4m x 33.5m)

F. ASRAMA LELAKI (36.6m x 32.8m)

G. ASRAMA PEREMPUAN (36.6m x 32.8m)

Laluan Pejalan Kaki (2.5m Lebar)

* Keluasan Tapak 14.3 ekar



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Lampiran 2
CONTOH KONSEP PUSAT REKREASI DAN KECERGASAN RAKAN MUDA



RAKAN MUDA

PETUNJUK

JENIS BANGUNAN DAN AKTIVITI

A. Dewan/Bilik Kuliah (42.7m x 24.4m)

I. Dewan

- | | |
|----------------------------|--------------------|
| - Pentas | • Rakan Senibudaya |
| - Gelanggang Tertutup | • Rakan Sukan |
| - Ruang Perhimpunan/Pidato | • Rakan Masyarakat |
| | • Rakan Wajadiri |
| | • Rakan Kecergasan |
| | • Rakan Rekreasi |

II. Bilik Kuliah

- | | |
|-----------------------------|-------------------|
| - Pusat Sumber | • Rakan Rekreasi |
| - Perpustakaan | • Rakan Wirausaha |
| - Penulisan Kreatif | • Rakan Wiramahir |
| - Sudut Motivasi Kaunseling | |

B. Dewan Makan (36.6m x 21.3m)

C. Pejabat dan Setor (67.1m x 32.8m)

- Urusan Pentadbiran
- Penyelenggaraan

D. Surau (32.8m x 32.8m)

- | | |
|----------------------------|--------------------|
| - Pusat Sumber | • Rakan Masyarakat |
| - Kepimpinan | |
| - Kejiranan | |
| - Gotong Royong | |
| - Motivasi/Khidmat Nasihat | |

E. Asrama Lelaki (36.6m x 32.8m)

F. Asrama Lelaki (36.6m x 32.8m)

G. Asrama Perempuan (36.6m x 32.8m)

H. Asrama Perempuan (36.6m x 32.8m)


J. Setor (15.2m x 21.3m)

- | | |
|--|--|
| | Tempat Ujian Jasmani |
| | Trek Par Course ('Non-slip heavy duty tile pavement' - 2.0m lebar) |
| | 'Boardwalk' (2.5 Lebar) |
| | Laluan Pejalan Kaki (2.5m Lebar) |



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA,
 SEMENANJUNG MALAYSIA
 KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
 TEMPATAN.

Lampiran 3
 CONTOH KONSEP TAPAK PERKHEMAHAN RAKAN MUDA



RAKAN MUDA

PETUNJUK

JENIS BANGUNAN DAN AKTIVITI

A. Dewan Serbaguna (51.8m x 91.5m)

I. Dewan

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ■ Pentas ■ Gelanggang Tertutup ■ Ruang Perhimpunan/Pidato | <ul style="list-style-type: none"> ★ Rakan Senibudaya ★ Rakan Sukan ★ Rakan Masyarakat ★ Rakan Wajadiri ★ Rakan Kecergasan ★ Rakan Rekreasi |
|---|---|

B. Pejabat dan Setor (67.1m x 32.8m)

- Urusan Pentadbiran
- Penyelenggaraan

C. Surau (32.8m x 32.8m)

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ■ Pusat Sumber ■ Kepimpinan ■ Kejiranan ■ Gotong Royong ■ Motivasi/Khidmat Nasihat | <ul style="list-style-type: none"> ★ Rakan Masyarakat |
|--|--|

D. Tempat Memasak (36.6m x 32.8m)

E. Bilik Air Lelaki (85.4m x 21.3m)

F. Bilik Air Perempuan (85.4m x 21.3m)

G. Tandas Lelaki (36.6m x 32.8m)

H. Tandas Perempuan (36.6m x 32.8m)

- Pokok-pokok
- Batu Penghalang Arus
- Laluan Trek (2.5m Lebar)

**PASUKAN KAJIAN PIAWAIAN
PERANCANGAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN ASAS DAN FIZIKAL
BERKAITAN PROGRAM RAKAN MUDA**

PENASIHAT

1. *Y. Bhg. Dato' Prof Zainuddin bin Muhammad*
Ketua Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,
Semenanjung Malaysia.

JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

1. *Ketua Pengarah* - *Pengerusi*
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
2. *Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)*
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
3. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)*
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
4. *Jabatan-Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri-Negeri*
5. *Pejabat Pengurusan,*
Bahagian Rancangan Pembangunan
6. *Unit-unit Jabatan Perancangan Bandar dan Desa*
Ibu Pejabat, Semenanjung Malaysia
7. *Bahagian Rancangan Pembangunan, Perbadanan Putrajaya*
8. *Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang*
Jabatan Perdana Menteri
9. *Bahagian Rancangan Jalan, Kementerian Kerja Raya*
10. *Lembaga Pembangunan Labuan*
11. *Lembaga Pembangunan Langkawi*
12. *Kuala Lumpur International Airport Berhad.*
13. *Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang*
14. *Unit Penyelidikan dan Pembangunan* - *Urusetia*
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Ibu Pejabat)

JAWATANKUASA PENYELARAS

1. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia* - *Pengerusi*
2. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Perlis*
3. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Pahang*
4. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Selangor*
5. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Perak*
6. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Terengganu.*
7. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Kelantan*
8. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Pulau Pinang*
9. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Melaka*
10. *Ketua Penolong Setiausaha
(Seksyen Perancangan dan Infrastruktur)
Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Kelang*
11. *Pengurus Projek
Pejabat Projek Alor Setar*
12. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Kedah*
13. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Johor*
14. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Sembilan*
15. *Ketua Unit Penyelidikan dan Pembangunan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(Ibu Pejabat)* - *Urusetia*

PASUKAN KAJIAN

1. *Tn. Hj. Md. Isa bin Jaafar
(Ketua Pasukan Kajian)*
2. *Pn. Jamariah bt. Isam*
3. *Wong Seng Fat*
4. *Cik Lim Siew Chin*
5. *En. Mohd Nasir Bin Kamin*
6. *Puan Salmiah Hashim*
7. *En. Zolkifli bin Hj. Hasim*
8. *Puan Norisah Binti Haji Rahim*
9. *Pn. Husniah binti Mohd Hasir*
10. *Puan Hodijah binti Abdullah*
11. *Pn. Zulridah binti Arshad*
12. *En. Mohd. Yassir bin Hj. Said*